

BAHAGIAN A: 20 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH(20)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- CLO1 1. Apakah langkah pertama dalam kitaran perakaunan?
- A. Penyediaan Buku Tunai.
- B. Penyediaan Penyata Pendapatan.
- C. Penyediaan Buku Catatan Pertama.
- D. Mengenalpasti dokumen yang terlibat.
-
- CLO1 2. Apakah fungsi dokumen perniagaan?
- A. Sebagai lampiran dokumen sokongan.
- B. Sebagai alat perancangan dan kawalan.
- C. Sebagai bukti bertulis sesuatu urusan niaga telah berlaku.
- D. Sebagai rujukan semasa penyediaan penyata kewangan.
-
- CLO1 3. Nota kredit dihantar oleh penjual kepada pembeli kerana _____
- A. pembeli lewat menjelaskan hutang.
- B. pembeli memulangkan barangan yang telah rosak.
- C. pembeli telah dicajkan bayaran yang kurang daripada harga yang sepatutnya.
- D. pembeli tidak memulangkan kuantiti barang yang terlebih hantar oleh penjual.
-
- CLO1 4. Apakah tujuan diskaun tunai diberikan kepada pelanggan?
- A. Menggalakkan pembeli membayar dengan tunai
- B. Menggalakkan pembeli membeli barang pelbagai jenis
- C. Menggalakkan pembeli menjelaskan hutang dengan kadar segera
- D. Menggalakkan pembeli membuat pembelian barangan secara pukal

CLO1

5. Tujuan jurnal am ialah_____
- A. penambahan modal secara tunai atau bank.
 - B. perekodan pemulangan barang oleh pembeli.
 - C. ambilan tunai oleh pemilik untuk tujuan peribadi.
 - D. belian dan jualan aset bukan semasa secara kredit.

CLO1

6. Apakah fungsi lebar?
- A. Merekodkan semua transaksi berkaitan dengan tunai dan bank sahaja.
 - B. Merekodkan segala pendapatan dan perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat
 - C. Merekodkan semua urus niaga dan mengandungi pelbagai jenis akaun
 - D. Merekodkan semua urusniaga secara tunai atau secara kredit yang tidak boleh direkod dalam buku catatan pertama yang lain.

CLO1

7.

Encik Roslee memaklumkan kepada kerani akaun bahawa beliau telah mengambil dua kampak beras Basmathi untuk jamuan keluarganya.

Kenal pasti dokumen yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A. Resit
- B. Memo
- C. Invois belian
- D. Baucar bayaran

CLO1

8. Dokumen berikut diterima daripada Toko Buku Amsyar.

ASAL	NOTA KREDIT	ND:0887
TOKO BUKU AMSYAR NO 35, JALAN KOTA KENARI 8 TAMAN KOTA KENARI, 09000 KULIM		
Kepada : Nuri Stationery 14, Jalan Kelang Lama 08000, Sg Petani.		Tarikh : 9 Jun 2025
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:		
BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)
Buku Sukses SPM (dipulangkan kerana rosak)	4	25.00
Tolak : Diskaun niaga 10%		90.00
JUMLAH		90.00
(Ringgit Malaysia : Sembilan Puluh Sahaja)		

Berdasarkan dokumen di atas, Jurnal Khas yang manakah sesuai untuk merekodkan urusan ini?

- A. Jurnal Belian
- B. Jurnal Jualan
- C. Jurnal Pulangan Belian
- D. Jurnal Pulangan Jualan

9. Antara berikut, urusan niaga manakah yang perlu dicatatkan di dalam Buku Tunai.

- I. Jual barang niaga secara tunai.
 - II. Beli kelengkapan pejabat secara kredit daripada Alya Venture.
 - III. Membayar hutang kepada pembekal Ameenah menggunakan cek
 - IV. Membawa masuk perabot dan kenderaan peribadi ke dalam perniagaan.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

CLO1

10. Berikut merupakan urusanniaga Klinik Tawakal

Klinik Tawakal menerima invoice daripada Farmasi Unggul bernilai RM5,600 pada 7 Ogos 2025. Invoice ini adalah untuk ubat-ubatan yang telah diterima pada minggu lalu.

- A. Jurnal Am
- B. Buku Tunai
- C. Jurnal Belian
- D. Jurnal Jualan

CLO1

11. Puan Nilam mengambil barang niaga bernilai RM80 untuk tujuan promosi kedai kek yang baru dibuka. Pilih akaun yang perlu didebitkan. .

- A. Akaun Belian
- B. Akaun Promosi
- C. Akaun Ambilan
- D. Akaun Inventori

CLO1

12. Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Elektrik Falah.

Membayar sewa kedai RM2,000 dengan menggunakan cek.

Catatan bergu manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Sewa	Bank
B	Modal	Bank
C	Perabot	Bank
D	Sewa	Tunai

CLO1

13. Tuan Johan ingin membuka kedai baru dan telah menjual dua buah penghawa dingin kepada Sally dengan harga RM2,000 secara tunai.
Apakah akaun yang terlibat bagi urusan niaga tersebut?

Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A. Tunai	Sally
B. Tunai	Jualan
C. Tunai	Lekapan & Lengkapan
D. Lekapan & Lengkapan	Tunai

CLO1

14. Apakah maksud Imbangan Duga?
- Penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti perniagaan.
 - Senarai baki debit dan kredit yang diambil daripada lejar.
 - Akaun yang disediakan untuk mencari baki pada satu tarikh tertentu.
 - Penyata yang disediakan untuk mengetahui untung atau rugi perniagaan.

CLO1

15. Baki akaun manakah yang dicatat di sebelah debit Imbangan Duga?
- Bank
 - Komisen diterima
 - Akaun Belum Bayar
 - Pinjaman Bercagaran

CLO1

16. Apakah fungsi imbangan duga?
- Merekodkan untung atau rugi perniagaan.
 - Merekodkan pendapatan dan perbelanjaan perniagaan.
 - Menyemak ketepatan pengiraan untung rugi perniagaan.
 - Menyemak ketepatan catatan urusan niaga yang berasaskan sistem catatan bergu.

CLO1

17. Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan dalam Imbangan Duga.

Setelah diaudit Penyata Kewangan Restoran Kunyit Berapi, didapati bahawa kerani akaun telah melakukan kesilapan catatan akaun walaupun Imbangan Duga masih seimbang.

Kesilapan di atas merujuk kepada _____

- A. Kesilapan nyata.
- B. Kesilapan ketara.
- C. Kesilapan tidak ketara.
- D. Kesilapan di luar jangkaan

CLO1

18. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Sara pada 30 Jun 2025

Butir	RM
Modal	80,000
Bank	35,000
Pinjaman	8,700
Kenderaan	60,000
Akaun Belum Bayar	6,700
Diskaun diberi	400

Jadual 1

Berapakah angkaimbangan pada tarikh itu?

- A. RM94,500.00
- B. RM95,400.00
- C. RM101,400.00
- D. RM104,100.00

CLO1

19. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Awliya Enterprise

Imbangan Duga pada 31 Julai 2025

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	5686	
Gaji	230	
X	680	
Y		236
Modal		8650

Jadual 2

Apakah X dan Y?

	X	Y
A.	Tunai	Diskaun diterima
B.	Inventori akhir	Komisen diberi
C.	Akaun Belum Terima	Diskaun diberi
D.	Pinjaman	Perabot

CLO1

20. Berdasarkan maklumat di bawah, pilih pasangan yang
- BETUL**
- untuk penyediaan Imbangan Duga..

	Debit	Kredit
I	Jualan	Belian
II	Kenderaan	Modal
III	Gaji	Pinjaman
IV	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum terima

Jadual 3

- A. I dan II
 B. I dan III
 C. II dan III
 D. II dan IV

BAHAGIAN B: 30 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan berstruktur. Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

- CLO1 a) Senaraikan **EMPAT (4)** dokumen perniagaan yang terlibat dalam urus niaga secara tunai [4 markah]
- CLO1 (b) Rajah 1 (b) menunjukkan dokumen daripada Gudang Perabot Mie

SALINAN	INVOIS			JL0045
Gudang Perabot Mie 119 Jalan Nilam 09000 Kulim, Kedah				
				Tarikh : 13 Mei 2025
Kepada : Perabot Awie Lot 10 Taman Kedidi, Bertam, 13400 Kepala Batas				
BIL	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Meja makan	5	600.00	3,000.00
2.	Meja tulis	10	250.00	2,500.00
				5,500.00
Tolak : Diskaun niaga 10%				(550.00)
Jumlah				4,950.00
(Ringgit : Empat Ribu Sembilan Ratus Lima Puluh Sahaja)				
Syarat : 10% 5 hari, 5% 20 hari Serahan : Angkutan dibayar				
 Penerima			 Penqurus	

Rajah 1 (b)

Berpandukan dokumen tersebut :

i) Syarikat manakah yang menyediakan dokumen ini? [1 markah]

ii) Syarikat manakah yang membuat pembelian barang ini? [1 markah]

iii) Mengapakah dokumen ini disediakan? [2 markah]

(c) Terangkan fungsi bagi dokumen yang berikut :

CLO1

i. Nota debit [2 markah]

ii. Makluman debit [2 markah]

CLO1

(d) Terangkan Jelaskan fungsi Buku Catatan Pertama yang berikut :

i. Jurnal Am [2 markah]

ii. Jurnal Belian [2 markah]

(e) Jadual 1 (e) menunjukkan urus niaga bagi kedai Kasut Lincci

Urusniaga	Catatan
Belian kasut bernilai RM50,000 daripada Syarikat Roky secara kredit	A
Jualan kasut bernilai RM8,500 secara kredit kepada Azeem	B
Pemilik kedai membawa masuk perabot bernilai RM1,200 dari rumah untuk digunakan di kedai.	C
Mengambil sepasang kasut sukan RM130 untuk kegunaan peribadi.	D

Jadual 1 (e)

Tentukan jurnal yang sesuai berdasarkan urus niaga **A, B, C** dan **D** berdasarkan Jadual 1 (e).

[4 markah]

SOALAN 2

- CLO1 (a) Apakah maksud Buku Catatan Pertama?
[2 markah]
- CLO1 (b) Senaraikan **EMPAT (4)** urus niaga yang perlu dicatatkan dalam jurnal am.
[4 markah]
- CLO1 (c) Nyatakan **DUA (2)** perbezaan antara diskaun niaga dan diskaun tunai.
[4 markah]
- CLO1 (d) Terangkan kegunaan dokumen berikut:
- i. Buku Tunai
[2 markah]
- ii. Jurnal Jualan
[2 markah]
- CLO1 (e) Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi urus niaga berikut.

	Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
i)	Pemilik mengambil tunai untuk kegunaan anaknya		
ii)	Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Saddiq		
iii)	Menjual komputer pejabat secara kredit kepada Eleena		

[6 markah]

SOALAN 3

CLO1

- (a) Senaraikan
- EMPAT (4)**
- kesilapan ketara dalam imbangan duga.

[4 markah]

CLO1

- (b) Lengkapkan jadual berikut dengan menyatakan butir yang direkod di sebelah debit dan di sebelah kredit Imbangan Duga.

Tunai	Jualan
Modal	Gaji
Pinjaman	Pulangan keluar
Mesin	Akaun Belum Terima

Debit Imbangan Duga	Kredit Imbangan Duga

[8 markah]

CLO1

(c) Jadual 3(c) menunjukkan baki-baki yang diperolehi daripada buku Perniagaan Majujaya pada 30 Jun 2025.

Butir	Jumlah (RM)
Modal	71,000
Bank	10,500
Diskaun diterima	400
Belian	15,000
Sewa dibayar	1,500
Alatan pejabat	7,600
Kenderaan	45,000
Akaun Belum Bayar-Firas	8,200

Jadual 3(c)

Berdasarkan maklumat tersebut sediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2025.

[8 markah]

SOALAN TAMAT